

Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia

Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia

ANIQAH BINTI AZMI, Universiti Kebangsaan Malaysia
ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: October 11, 2020 Accepted: December 12, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor merupakan bekas pensyarah di Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang menguasai dua bidang ilmu iaitu Syariah dan Undang-undang. Beliau adalah antara tokoh wanita Islam yang terlibat dalam proses perkembangan undang-undang Islam di Malaysia. Beliau juga terlibat dalam bengkel-bengkel dan persidangan yang melibatkan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia. Beliau telah menerbitkan penulisan karya-karya ilmiah, pembentangan kertas kerja di seminar dan penglibatan dalam pelbagai jawatankuasa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisa latar belakang keluarga, pendidikan, kerjaya dan sumbangan beliau dalam perkembangan Undang-undang di Malaysia. Metodologi kajian ialah analisis kandungan dan temubual separuh berstruktur. Hasil daripada kajian ini dapat memperkenalkan biografi diri dan keluarga serta sumbangan dalam perkembangan undang-undang Islam di Malaysia yang meliputi aspek pengajaran, penulisan akademik serta penglibatan beliau dalam industri.

Keywords : Undang-undang Islam, sumbangan, pencapaian, Siti Zalikah Md Nor.

ABSTRACT

Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor is an ex-lecturer at the Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, UKM who mastered in two field of studies that are Shariah and law. She is among the Islamic woman figure that is involved in the process of the development of Islamic Law in Malaysia. She is also involved in numerous workshops and conferences relating to the administration of Islamic law in Malaysia. She also produces diverse academic writings, presentation of articles in seminars and involved in various committees. Thus, this research aims to analyse her family background, education, career and contributions in the development of Islamic law in Malaysia. The methodology of this research is content analysis and semi-structure interview. The outcomes of this research are able to present her own self and family's biography as well as her excellency in her academic achievement, career and contributions in the industry.

Keywords: Islamic Law, contributions, achievement, Siti Zalikah Md Nor.

PENGENALAN

Sumbangan seseorang tokoh Islam dapat memberikan impak yang besar terhadap perkembangan Islam serta corak kehidupan di kalangan masyarakat. Di Malaysia ini, ramai tokoh-tokoh yang masyhur telah menempa nama serta memberikan sumbangan dalam bidang kepakaran masing-masing.

Dalam bidang pendidikan dan perundangan Islam misalnya, ramai tokoh yang telah menyumbangkan ilmu dan usaha mereka dalam menambah baik pelbagai perkara mengikut bidang kepakaran masing-masing. Antara tokoh yang dimaksudkan ialah Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim. Beliau dikenali sebagai tokoh yang memberi

impak yang membanggakan hasil daripada usahanya yang keras dalam memartabatkan undang-undang Islam di negara ini. Seterusnya, Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman juga terlibat dalam bidang akademik dan perundangan. Selain aktif dalam menyebarkan ilmu melalui syarahan dan penulisan, beliau juga merupakan salah seorang individu yang giat dalam memperjuangkan undang-undang Islam di Malaysia (Che Maryam 2003). Selain itu, Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin pula merupakan ahli akademik yang sangat berjasa dalam bidang keilmuan dan pentadbiran. Jasa beliau yang tidak pernah dilupakan ialah penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga turut

menyumbangkan kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya akidah (Kamarudin 2018).

Pada era yang serba moden ini, tokoh yang tidak kurang hebatnya ialah Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor. Beliau merupakan salah seorang tokoh yang banyak menyumbang kearah pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Beliau adalah antara tokoh wanita terawal yang melibatkan diri dalam sistem pentadbiran kehakiman dan perkembangan undang-undang Islam di Malaysia. Sumbangan beliau dalam memastikan undang-undang Islam terpelihara dan dimartabatkan dilihat sebagai usaha yang amat berharga dalam lingkungan perundangan Islam di Malaysia. Sumbangan beliau merangkumi aspek penulisan dan pendidikan. Kepakaran beliau dalam bidang Syariah dan Undang-undang di Malaysia juga melayakkan beliau dilantik sebagai pakar rujuk dalam hal-hal yang berkaitan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

Memandangkan belum ada kajian mahupun penulisan mengenai ketokohan beliau dibuat, adalah penting dilakukan kajian tentang ketokohan Datin Dr. Siti Zalikah dalam bidang pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Perbincangan artikel ini meliputi aspek biografi tokoh, pencapaian akademik dan pengiktirafan, penglibatan dalam bidang akademik, penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan serta penglibatan dan sumbangan dalam perkembangan undang-undang Islam di Malaysia.

BIOGRAFI TOKOH

Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor dilahirkan pada 18 Mei 1949 di Pengkalan Hulu, Perak. Bapanya Hj. Md Nor bin Hj. Ismail berkerja sebagai seorang guru di Sekolah Al-Khairiah, Pokok Sena. Manakala ibunya Rafiah binti Hj. Yaakub merupakan seorang suri rumah sepenuh masa (Siti Zalikah, 2020). Setelah berlalu beberapa tahun kemudiannya, ayahnya dinaikkan pangkat menjadi seorang guru pelawat agama yang berkhidmat di Gerik (Siti Zalikah, 2019). Beliau merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Beliau mempunyai seorang adik lelaki Ahmad Hamdi yang kini tinggal di Ipoh, Perak dan seorang adik tiri perempuan Noriza Md Nor yang kini menetap di Kulim, Kedah (Siti Zalikah, 2019). Mereka adik-beradik kesemuanya dibesarkan dalam suasana keluarga yang berpendidikan. Memandangkan ayah mereka merupakan seorang guru pelawat agama, sudah semestinya keluarganya amat menitik-beratkan dalam memastikan anak-anak mendapatkan pendidikan yang cukup bukan sahaja dalam bidang akademik bahkan juga dalam bidang agama.

Datin Dr. Siti Zalikah mendirikan rumah tangga bersama dengan Dato' Dr Siddiq Fadhill pada tahun 1975 (Siti Zalikah 2019). Suaminya merupakan seorang bekas pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dan bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Suaminya juga pernah dianugerahkan Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Perak.

Dato' Dr. Siddiq Fadhill merupakan seorang yang pakar dalam bidang Kesusasteraan Melayu (Badlihasham Mohd Nasir 2008).

Hubungan Datin Dr. Siti Zalikah dengan suaminya dilihat bukan sahaja terhad dalam hubungan kekeluargaan malah ianya juga melibatkan bidang kerjaya. Hal ini kerana kepakaran yang ada pada diri masing-masing dianggap seperti memperteguhkan kombinasi akademik Islam-Alam Melayu di universiti tersebut. Menurut Badlihasham Mohd Nasir (2008), perjuangan mereka dalam bidang akademik juga dilihat tiada batasan kerana kedua-duanya sangat aktif menyumbangkan idea dalam bidang akademik dan dakwah Islam di Nusantara.

Setelah bersara, Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadhill dilantik menjadi presiden dan CEO Kolej Darul Hikmah serta Fellow Akademik Pengurusan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) (Badlihasham Mohd Nasir 2008). Tidak dilupakan juga, Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadhill merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (Anon 2020). Dalam masa yang sama, Datin Dr. Siti Zalikah juga aktif dalam menghasilkan buku, mengadakan kelas pengajian Kitab Fath al-Bari serta menjadi Ahli Jawatankuasa Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Antara buku yang telah diterbitkan selepas beliau bersara ialah 'Sejarah dan Perkembangan Undang-undang Islam di Negeri Selangor: Teks dan Ulasan' (2018)', 'Dapatan Diwarisi Carian Dibahagi' (2019)' dan 'Islam dalam Perlembagaan Negara' (2019).

Hasil perkahwinan dengan Dato' Dr. Siddiq Fadhill, mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata iaitu tiga orang lelaki dan empat orang perempuan. Kesemua anak kepada pasangan akademik ini berjaya dalam kehidupan mereka. Anak sulung mereka, Harith Faruqi memiliki Ijazah Sarjana *Archives Records Management (MARM)* dari Universiti Liverpool dan sekarang berkhidmat sebagai seorang pustakawan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM (Anon. 2020). Fadhlina pula bekerja sebagai seorang peguam dan juga mempunyai Ijazah Sarjana Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa. Beliau juga memiliki firma guamannya sendiri iaitu Tetuan Fadhlina Siddiq & Associates (Anon. 2020). Anak ketiga mereka, Farhana, bekerja sebagai seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran dari Universiti Waikato, New Zealand (Anon. 2020). Seterusnya, Fatina merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi Mara dan menjalankan perniagaan dari rumah. Anak kelima mereka, Hazim Faizi mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan bekerja sebagai seorang pengurus di *Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC)* (Siti Zalikah 2020). Kemudian, Fauzana merupakan anak keenam dalam keluarga mereka, graduan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan bekerja sebagai seorang pereka kasut jenama Cipela. Hammad Fahli

merupakan anak bongsu dalam keluarga dan mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dari Universiti Edinburgh (Anon. 2020). Beliau sekarang menjawat jawatan sebagai seorang doktor berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (Siti Zalikhah 2019).

Sebagai ibu dan bapa, Datin Dr. Siti Zalikhah dan suaminya merupakan cerminan terhadap zuriat mereka. Mereka bertanggungjawab membesarkan, memberi pendidikan, menerapkan nilai murni serta menjadi perangsang bagi melahirkan sebuah keluarga yang bahagia. Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa anak-anak Datin Dr. Siti Zalikhah terdidik dalam lingkungan keluarga yang berpendidikan serta berjaya dalam bidang masing-masing. Kepakaran tokoh dalam bidang undang-undang juga diwarisi oleh dua orang anaknya iaitu Fadhlina dan Hazim Faizi yang turut menceburi dalam bidang ini.

PENCAPAIAN AKADEMIK DAN PENGIKTIRAFAN

Datin Dr. Siti Zalikhah mendapat pendidikan agama sejak kecil. Menurutnya, beliau telah didedahkan dengan pengajian Al-Qur'an dan akhlak sejak kecil oleh kedua ibubapa beliau. Pada peringkat sekolah rendah, beliau mula mendapatkan pendidikan di Sekolah Rendah Kuak Luar, Keroh, Perak. Beliau kemudian melanjutkan ke pengajian pendidikan menengah di Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak iaitu bermula tingkatan satu sehingga tamat di tingkatan lima. Beliau juga merupakan ketua pelajar semasa berada di tingkatan lima. Setelah itu, beliau melanjutkan pelajaran di tingkatan enam di Kolej Islam, Petaling Jaya. Beliau merupakan pelajar terbaik dan sering menerima anugerah pelajar cemerlang di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti (Siti Zalikhah, 2020).

Beliau meneruskan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam pada tahun 1975, Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan dari Universiti Malaya pada tahun 1979 dan Ijazah Doktor Falsafah Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989.

Menurut Faridah Mohd Tap (2019), Datin Dr. Siti Zalikhah merupakan pelajar Pengajian Islam pertama yang mendapat peluang dan kepercayaan daripada Prof Dr. Ahmad Ibrahim bagi meneruskan pengajian dalam bidang perundangan. Beliau juga merupakan seorang pelajar cemerlang serta mahir dalam membahagikan masa. Beliau bijak dalam membahagikan masa dengan seimbang agar pelajarannya tidak terabai disamping sibuk dalam melakukan aktiviti berpersatuan. Hal ini dapat dibuktikan lagi kerana menurut beliau, semasa masih belajar di peringkat pengajian ijazah, beliau sudah mula bergiat aktif dalam aktiviti dakwah di bawah kelolaan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam

Malaysia (PKPIM) (Siti Zalikhah 2019). Beliau juga merupakan salah seorang ahli jawatankuasa yang bergiat aktif dalam aktiviti berdakwah ini.

Selain itu, Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor merupakan seorang peguam ketika masih berkhidmat sebagai seorang pensyarah. Beliau telah memperolehi pengiktirafan sebagai seorang pengamal undang-undang di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Beliau pernah mengendalikan kes-kes bagi dibicarakan di Mahkamah Syariah meliputi hal-hal penceraian, tuntutan hadhanah dan lain-lain lagi (Siti Zalikhah, 2019).

Beliau telah diberi pelbagai pengiktirafan daripada pelbagai pihak bagi mengenang jasa dan khidmatnya. Dengan sumbangan yang diberikan, beliau telah menerima penghargaan seperti Hadiah Buku Syed Kecil pada tahun 1975, Hadiah Cemerlang UKM pada tahun 1994, Hadiah Terpuji UKM pada tahun 1999, Hadiah Bahasa oleh Persatuan Linguistik Malaysia – Public Bank pada tahun 1996, Pingat Paduka Mahkota Perak (P.M.P) pada tahun 2004 dan juga Anugerah Sayyidatina 'Aisyah ABIM pada tahun 2019.

PENGLIBATAN DALAM BIDANG AKADEMIK

Setelah berjaya menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda, Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor memulakan kerjayanya sebagai seorang tutor di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mula berkhidmat di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1975 sehingga tahun 2011. Perkhidmatan beliau menumpukan kepada perkuliahan dan juga tugas-tugas akademik di universiti. Bidang kepakaran beliau adalah berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam di Malaysia dan luar negara serta pentadbiran Islam di Malaysia dan beberapa negara luar. Beliau juga telah meneroka bidang wakaf di Malaysia (Zuliza 2019). Di peringkat fakulti, beliau diamanahkan mengajar subjek mengikut kepakaran beliau. Kepakaran dan pengalaman luas yang dimiliki melayakkan beliau menyampaikan kuliah bukan sahaja untuk pelajar-pelajar di peringkat ijazah sarjana muda, tetapi juga di peringkat ijazah sarjana dan juga Doktor Falsafah dalam bidang Syariah dan undang-undang. Antara subjek yang diajar oleh beliau ialah Undang-undang Keluarga Islam, Fiqh Munakahat dan Undang-undang Keterangan Islam.

Tempoh berkhidmat beliau sebagai seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia selama 36 tahun, semestinya beliau mempunyai ramai pelajar. Temubual bersama bekas para pelajarnya, menunjukkan mereka mengakui kehebatan keperibadian dan kepakaran yang dimilikinya. Contohnya beliau telah menjalankan amanah sebagai seorang pensyarah dengan menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan jelas dan berkesan. Kepakaran

yang dimiliki oleh beliau dalam bidang perundangan Islam juga mampu membuatkan para pelajar mahir dalam menguasai ilmu proses perundangan dalam negara ini (Zamro 2020). Selain itu, beliau juga mendedahkan para pelajarnya kepada aspek amali dengan membawa mereka turun ke lapangan dan industri seperti ke mahkamah. Oleh itu, pelajar-pelajar bukan sahaja dapat belajar teori sahaja, bahkan dapat melihat proses sesuatu kes dengan praktikal (Zamzuri 2020).

Kebanyakan pelajarnya berjaya dalam kerjaya dalam bidang perundangan. Hal ini terbukti melalui kepakaran yang dimiliki oleh Datin Dr. Siti Zalikah dalam bidang undang-undang juga turut diwarisi oleh para pelajarnya. Contohnya Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar yang pernah menuntut ilmu dengan beliau, kini menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Dr. Nurul Huda merupakan seorang peguam syarie serta Dato Dr. Zulkifly merupakan seorang mufti di negeri Terengganu dan Yang Arif Puan Noor Huda Roslan merupakan Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah (Siti Zalikah 2020). Selain itu, terdapat juga beberapa orang pelajarnya yang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada ketika ini. Antaranya ialah, Prof Dr Abdul Basir Mohamad, Prof. Madya Dr. Zaini Nasohah, Prof. Madya Dr. Zuliza Mohd Kusrin, Dr. Zamro Muda dan Dr. Zamzuri Zakaria.

Selanjutnya, dalam bidang penulisan beliau telah berjaya menghasilkan banyak artikel dan juga buku. Datin Dr. Siti Zalikah merupakan seorang yang cekap dalam mengisi masa yang terluang dengan membuat perkara yang berfaedah. Sebagai contoh, semasa sedang berehat di bilik pensyarah, beliau masih lagi sempat menulis kertas kerja ilmiah ataupun menyemak kertas kerja latihan ilmiah murid-murid (Che Maryam 2020). Penulisan yang beliau hasilkan kebanyakan berkait rapat dengan bidang kepakaran beliau iaitu undang-undang Islam dan undang-undang keluarga Islam. Antara contoh penulisan awal beliau ialah 'Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam (1981)', 'Perlindungan Kanak-kanak di dalam Islam: Perlaksananya Menurut Undang-undang di Malaysia (1989)', 'Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia (1989)' dan 'Pemilikan Harta dalam Perkahwinan (1996)'.

Keperibadian Datin Dr. Siti Zalikah yang sangat disenangi oleh rakan-rakan ialah beliau sentiasa mempunyai masa untuk membantu rakan-rakan sekerja dalam pelbagai aspek. Beliau bersedia untuk membantu rakannya yang memerlukan bantuan dari sudut pentadbiran dan sebagainya (Che Maryam 2020). Sepanjang perkhidmatan sebagai seorang pensyarah, tugas beliau bukan sahaja mengajar. Malahan, pada masa yang sama beliau memegang tanggungjawab dalam pentadbiran akademik seperti sebagai Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Fakulti pada tahun 2000 sehingga tahun 2005, Ahli Jawatankuasa Pengajian Luar Kampus Fakulti, Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, Ahli Jawatankuasa

Penyelidikan Jabatan dan juga Panel Taksiran Soalan Jabatan.

Selain itu, Datin Dr. Siti Zalikah merupakan salah seorang pensyarah yang terlibat dalam penubuhan Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syarie di bawah pengelolaan Biro Rundingan dan Inovasi UKM (Nasran Mohamad 2020). Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syarie ini menawarkan dua jenis perkhidmatan iaitu khidmat penjelasan hukum syarak dan khidmat perundingan dan konsultasi. Beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam memberi khidmat dalam klinik ini. Beliau juga pernah mengendalikan kes sama ada melalui konsultasi perundangan mahupun perbicaraan di mahkamah syariah.

Sumbangan beliau yang berharga kepada Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah beliau merupakan individu yang mengasaskan Program Diploma Kehakiman Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (Siti Zalikah 2019). Program ini penting bagi melayakkan seorang graduan bidang Pengajian Islam memasuki bidang pekerjaan menjadi seorang peguam syarie. Tempoh pengajian bagi program ini mengambil masa selama empat semester, iaitu selama dua tahun, yang dilaksanakan hanya pada hari Sabtu. Pada peringkat awal pelaksanaan program diploma tersebut, beliau telah dilantik sebagai Penyelaras bagi Program Diploma Kehakiman Islam. Kewujudan program ini mempunyai sumbangan yang besar terhadap peluang pekerjaan graduan bidang Syariah di Malaysia dimana graduan yang mempunyai kulusan program diploma tersebut menjadikannya sebagai kelayakan tambahan, bagi membantu memasarkan kepakaran calon-calon dalam bidang Syariah di industri. Sehingga kini program ini masih lagi dilaksanakan di Pusat Kajian Syariah, FPI, UKM dan telah melahirkan ramai graduan setiap tahun (Zuliza Mohd Kusrin 2020).

Sebagai seorang ahli akademik, minat dan kesungguhan Datin Dr. Siti Zalikah meneroka ilmu dalam bidang perundangan dan Syariah telah mendorong beliau membuat penyelidikan dan menerbitkan karya-karya ilmiah. Kegigihan beliau menulis terbukti sehingga beliau telah berjaya menghasilkan buku-buku, artikel di dalam jurnal dan juga kertas kerja yang berkaitan dengan bidang kepakaran beliau iaitu Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Pentadbiran Islam dan Sistem Undang-undang Islam. Sumbangan beliau dalam penulisan ini juga dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan oleh beliau yang kebanyakannya adalah dalam bahasa Melayu, sejajar dengan hasrat Universiti Kebangsaan Malaysia yang memartabatkan Bahasa Melayu. Pemilihan bahasa ini amat penting dalam menyalurkan ilmu kepada masyarakat di negara ini. Hal ini kerana tidak semua masyarakat Melayu menguasai bahasa Arab dengan baik. Dengan adanya karya-karya dalam bahasa Melayu, ianya sudah tentu memberi manfaat yang banyak terhadap masyarakat di Malaysia dalam memahami ilmu agama Islam.

Penulisan karya-karya ilmiah yang telah dihasilkan oleh beliau menjadi salah satu medium bagi beliau menyampaikan ilmu disamping mengajar di kuliah. Ia secara tidak langsung dapat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang ramai selain pelajar beliau sendiri. Kelebihan yang dapat diperoleh dalam menyampaikan ilmu melalui penulisan karya ilmiah ini adalah, ia merupakan sumbangan yang berbentuk kekal. Ianya tidak akan hilang walaupun telah dimakan zaman. Karya ilmiah yang telah dihasilkan masih dapat digunakan selama berapa tahun lamanya.

Buku karya beliau antaranya adalah 'Al-Syariah Jilid 5' (2018), 'Anakku Anakmu' (2008), 'Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam' (1996), 'Jika Sudah Habis Jodoh' (2004), 'Keluarga Syurga Wanita dan Undang-undang' (2009), 'Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan' (1996) dan 'Sejarah dan Perkembangan Undang-undang Islam di Negeri Selangor: Teks dan Ulasan' (2018).

Minat beliau dalam meneroka ilmu tidak terhenti, walaupun beliau telah menamatkan perkhidmatannya sebagai pensyarah di UKM. Hal ini terbukti dengan kegigihan beliau yang masih meneruskan bidang penulisan dan menerbitkan karya Syariah dan undang-undang, sehingga sekarang. Bagi beliau menerbitkan buku ilmiah pada setiap tahun merupakan perkara yang penting bagi dirinya (Che Maryam 2020). Antara buku-buku yang baru diterbitkan oleh beliau adalah 'Islam dalam Perlembagaan Negara' (2019) dan 'Dapatan Diwarisi Carian Dibahagi' (2019).

Seterusnya, antara karya beliau dalam penulisan artikel jurnal ialah 'Beberapa Aspek Dalam Hadhanah' (1999), 'Kod Etika Peguam Syarie' (2001), 'Hakim Wanita: Satu Paradoks' (2007), 'Mut'ah Dalam Islam' (1983), dan 'Beberapa Aspek Mengenai Sabitan Hubungan Biologi Antara Anak dan Bapa Tanpa Nikah' (2008). Selain daripada menghasilkan karya-karya ilmiah, Datin Dr. Siti Zalikah juga turut membentangkan kertas kerja di seminar, kolokium, simposium dan bengkel yang dianjurkan oleh pelbagai badan berkanun. Antara kertas kerja yang telah dibentangkan ialah 'Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian Dari Aspek Hukum (1997)', 'Hadhanah (1999)', 'Keseimbangan Obligasi Wanita Dalam Menghadap Cabaran Pembangunan Masa Kini (2000)', 'Undang-undang Keluarga Islam Malaysia (2000)', 'Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah (2000)', 'Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam (2001)', 'Hak Pengguna di Malaysia Berkaitan Pemakanan (2001)', 'Harta Sepencarian (2001)', 'Pengurusan Harta Keluarga Islam (2001)', 'Isu-isu Pelaksanaan Mediasi (2000)', 'Pengurusan Konflik (2002)', 'Kaedah Penyeragaman dan Penyelarasan Undang-undang Islam di Malaysia (2003)', dan lain-lain lagi.

PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI KEMASYARAKATAN

Datin Siti Zalikah bukan sahaja aktif dalam bidang akademik dan perundangan, malahan beliau juga aktif dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan sehingga memegang jawatan sebagai Ketua HELWA. Beliau dilantik menjadi ketua HELWA selama empat penggal di bawah kepimpinan dua orang presiden ABIM iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim dan juga Dato' Dr. Siddiq Fadzil dari tahun 1977 hingga tahun 1985 (Faridah Mohd Tap 2019). Semasa aktif dalam ABIM, beliau banyak menitik beratkan mengenai kepentingan pendidikan dan ilmu dalam kalangan wanita melalui aktiviti seminar, ceramah dan bengkel. Hal ini bertepatan dengan buku yang pernah ditulis oleh Datin Dr. Siti Zalikah. Beliau pernah menerbitkan sebuah buku pertamanya terbitan Angkatan Belia Islam Malaysia yang bertajuk 'Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam' (Siti Zalikah 2019). Buku ini banyak memberi panduan dan penerangan kepada pembaca mengenai kedudukan sebenar wanita dalam Islam.

Selain itu, beliau juga merupakan ahli jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1993-2015) dan juga ahli jawatankuasa Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2013-2015). Menurut Datin Dr. Siti Zalikah, beliau pernah memberikan sumbangan dan khidmat dalam menjayakan Bengkel Undang-undang Keluarga Islam dengan kerjasama HELWA ABIM. Lain daripada itu, beliau juga turut menyumbangkan tenaga dan buah fikiran dalam melaksanakan Kursus Asas Latihan Paragum di bawah kelolaan Lembaga Kebajikan Wanita Islam.

Tidak dilupakan juga, beliau merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (Laporan Tahunan 2011 LTH). Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 1983 yang bertanggungjawab bagi memutuskan kedudukan hukum-hukum berkaitan isu-isu ibadat haji dari masa ke semasa disamping menasihati pengurusan Tabung Haji berkaitan isu dan bahan terbitan mengenai pelaksanaan ibadat haji. Selain itu, jawatankuasa ini juga berperanan sebagai Pakar Rujuk Ibadah Haji di Tanah Suci.

PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN DALAM PERKEMBANGAN UNDANG UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Di samping bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia, Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor juga pernah menjadi peguam syarie yang beramal di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang ini bermula pada tahun 1997 sehingga tahun 2010 (Siti Zalikah 2019). Beliau juga pernah mengendalikan beberapa kes bagi dibicarakan di Mahkamah Syariah di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan seperti kes tuntutan hadhanah, fasakh dan sebagainya.

Seterusnya, Datin Dr. Siti Zalikah juga terlibat dengan pelbagai jawatankuasa yang memberikan sumbangan kepada perkembangan perundangan Islam di Malaysia. Antaranya ialah menganggotai Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan mengkaji dan menyemak undang-undang syarak yang sedia ada serta mencadangkan dan menggubal draf undang-undang baru. Sepanjang penubuhannya, jawatankuasa ini telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi memenuhi objektifnya. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil, Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil, Bengkel Perundangan Islam dan lain-lain lagi (Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil 1988-2011).

Datin Dr. Siti Zalikah juga pernah menghadiri dan menyertai Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil. Persidangan ini merupakan sidang kemuncak bagi memuktamadkan undang-undang yang telah digubal atau membincangkan isu-isu perundangan Islam semasa. Beliau telah membentangkan dua kertas kerja dalam dua persidangan yang berasingan pada tahun 1996 dan 1998. Kertas kerja yang dimaksudkan ialah 'Poligami dan Pelaksanaannya Menurut Undang-undang Keluarga Islam' dan 'Kod Etika Peguam Syarie'.

Selain itu, beliau juga pernah menganggotai jawatankuasa Panel Kajian Syariah JAKIM 1998-2015, Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1998-2001, Ahli Jawatankuasa Penggubal Undang-Undang Majlis Agama Islam Selangor 2012-2020, Ahli Panel Arahan Amalan Kehakiman Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2001-2015, Ahli Jawatankuasa Peguam Syarie Selangor 2002-2015, Pengerusi Panel Penulisan Syariah dan Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka 2011-2013 dan Ahli Lembaga Penasihat Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2015. Penulisan artikel yang telah dipilih dan diterbitkan dalam Jurnal Hukum adalah hasil cetusan idea daripada Profesor Ahmad Ibrahim (Siti Zalikah 2020). Tujuannya, beliau tidak mahu mahkamah syariah dianggap sebagai mahkamah kelas kedua.

Dalam hal yang sama, Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor juga turut aktif dalam penulisan artikel yang melibatkan bidang undang-undang Islam. Beberapa artikel hasil penulisan beliau telah dipilih dan diterbitkan dalam Jurnal Hukum. Antara tajuk penulisan artikel beliau adalah 'Mut'ah Dalam Islam (1983)', 'Beberapa Aspek Dalam Hadhanah (1999)', 'Kod Etika Peguam Syarie (2001)' 'Hakim Wanita: Satu Paradoks (2007)' dan 'Beberapa Aspek Mengenai Sabitan Hubungan Biologi Antara Anak dan Bapa Tanpa Nikah (2008)'.

Karya beliau bertajuk 'Kod Etika Peguam Syarie' telah diterbitkan dalam Jurnal Hukum, Jilid 14 pada tahun 2001. Menurut Siti Zalikah (2020), penulisan ini merupakan hasil cetusan idea daripada Profesor

Ahmad Ibrahim yang menginginkan peguam syarie menjalankan amalan mereka secara profesional. Beliau menginginkan huraian pendapat dari segi hukum syarak mengenai syarat kelayakan dan etika peguam di mahkamah dan di luar mahkamah. Dr Siti Zalikah Md Nor telah merangkumkan secara keseluruhan etika tersebut dalam satu penulisan. Dalam penulisan ini telah dijelaskan kepentingan Kod Etika Peguam Syarie iaitu untuk menjana pelaksanaan keadilan melalui jalan yang bersih serta mewujudkan imej keagamaan yang sejajar dengan hukum syarak dan menjamin kewibawaan peguam syarie (Siti Zalikah 2002).

KESIMPULAN

Datin Dr. Siti Zalikah Md Nor merupakan seorang tokoh yang mempunyai semangat yang cecal dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Kesederhanaan beliau membesar dalam keluarga yang berasal dari kampung tidak menghalang beliau untuk berjaya dalam kehidupannya. Berbekalkan dengan pengalaman yang telah ditempuh, Datin Dr. Siti Zalikah dan suami menjadi contoh yang terbaik terhadap anak-anak dalam mendidik dan membimbing mereka sehingga berjaya dalam bidang masing-masing. Ketokohan beliau dalam bidang pendidikan juga terserlah semasa di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti dengan memperolehi anugerah kecemerlangan. Beliau juga pakar dalam bidang kerjaya, dibuktikan dengan penghasilan pelbagai penulisan undang-undang untuk manfaat pelajar dan orang awam. Beliau juga turut giat dalam memberikan buah fikiran untuk memperjuangkan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Di samping itu, sumbangan beliau terhadap masyarakat juga boleh dilihat melalui penglibatan beliau dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam.

RUJUKAN

- Anon. 2020. Komunikasi Korporat. <http://www.ukm.my/ptsl/corporate-communications> [24 Mac 2020].
- Anon. 2020. Pengamal syariah. <http://www.shariahlaw.com/?page=practitioners&state=Selangor>. [24 Mac 2020].
- Anon. 2020. Pentadbiran Fakulti. <http://www.ukm.my/fep/expertise/farhana-sidek/>. [24 Mac 2020].
- Anon. 2020. Maklumat Pengajian. <https://www.facebook.com/hammadfs>. [30 Mac 2020].
- Anon. 2020. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. <https://www.usim.edu.my/ms/lembaga-pengarah-universiti-1/>. [30 September 2020].
- Anon. 2020. Maklumat Pengajian. <https://www.facebook.com/fadhlinasidek.sidek>. [30 September 2020].
- Badlihisam Mohd Nasir. 2018. Ketokohan dan Pemikiran Dakwah Dato' Dr. Siddiq Fadhil. *Jurnal Usuluddin*.
- Che Maryam Ahmad, Wafaa' Yusof. 2003. Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Awang Mahmud Saedon bin Awang

- Othman: Sumbangannya Terhadap Perkembangan Undang-undang Islam di Malaysia. Dlm. Farid Mat Zain, Izziah Suryani Mat Resad@Arshad (pnyt). Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo. hlm. 114-122. Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Che Maryam Ahmad. 2020. Sifat keperibadian tokoh. Temubual, 9 September 2020.
- Faridah Mohd Tap. 2019. *Memoir Ketua HELWA 1971 hingga 2017*. Firdaus Press.
- Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (1988-2011). Aktiviti Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil.
- Kamarudin Salleh, Liyana Mustafa. 2018. Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Abdul Shukor Husin: Kajian Biografi Ringkas. Dlm. Mohd Haidar Kamarzaman, Ahmad Sunawari Long (pnyt). Proceedings 3rd International Seminar On Islamic Thought: Islam Rahmatan Lil 'Alamin. hlm 182-192. Jabatan Usuluddin dan Falsafah UKM.
- Lembaga Tabung Haji. 2011. Laporan Tahunan Tabung Haji 2011.
- Mohd Nasran Mohamad. 2020. Penglibatan tokoh dalam Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syarie. Temubual, 8 September 2020.
- Mohd Zamro Muda. 2020. Keperibadian tokoh. Temubual, 17 September 2020.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2020. Pengalaman Peribadi Seorang Murid. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt). *Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah*, hlm 61-73. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Siti Zalikhah Md Nor. 1981. *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2002. Kod Etika Peguam Syarie. *Jurnal Hukum*. Hlm 141-146. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Putrajaya.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2019. Biodata diri. Temubual, 19 Julai 2019.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2019. Maklumat keluarga. Temubual, 26 Julai 2019.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2019. Data pekerjaan tokoh. Temubual, 3 Oktober 2019.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2020. Maklumat anak. Temubual, 7 April 2020.
- Siti Zalikhah Md Nor. 2020. Biodata diri. Temubual, 27 September 2020.
- Zamzuri Zakaria. 2020. Keperibadian tokoh. Temubual, 17 September 2020.
- Zuliza Mohd. Kusrin. 2019. Bidang kepakaran tokoh. Temubual, 25 Mac 2019.

Aniqah Binti Azmi,
p95454@siswa.ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Zuliza Mohd Kusrin,
zuli@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang <i>The Role of The Financial Factor as The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council</i> Mohammad Syukri Jalil, Mohd Sabri Abd Ghafar, Azarudin Awang	1-21
Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah <i>Implications of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement</i> Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff	22-28
Pelaksanaan Kontark Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam <i>The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System</i> Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria, Azman Ab Rahman	29-41
Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013) <i>Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)</i> Mat Noor Mat Zain, Najihah Ali, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	42-52
Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia <i>Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia</i> Nurul Faezah Md Ahair, Zuliza Mohd Kusrin	53-64
Garis Panduan Kontrak Derivatif Berasaskan Syariah <i>Guideline of Derivative Contract Based on Syariah</i> Mohd Hafiz Mohd Dasar, Azlin Alisa Ahmad, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	65-76
Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam <i>The Need for Hibah Declarations and Its Constraints in Property Planning of Muslims</i> Rosmiza Ismail, Salmy Edawati Yaacob, Mohd Zamro Muda	77-83
Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia <i>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia</i> Aniqah Binti Azmi, Zuliza Mohd Kusrin	84-90
دور الإدارة اللامركزية في محاربة الفساد الإداري من منظور إسلامي إدارة القضاء في خلافة عمر بن عبد العزيز نموذجا: دراسة تحليلية <i>The Role of Decentralized Management in Combating Maladministration from Islamic Perspective: An Analytical Study on Judicial Administration of Caliphate 'Umar Ibn Abd al-'Aziz</i> Jalal Alwan Salman, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah, Nor 'Azzah Binti Kamri	91-107

Journal of Contemporary Islamic Law

(2020)Vol. 5(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2020), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 5(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.